SEKULARISME POLITIK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh:
Anhar Bin Opir
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, UPSI

PENDAHULUAN

Perkataan sekularisme merupakan sesuatu yang tidak asing dalam kalangan umat Islam. Sama ada mereka memahami maksud sebenarnya atau tidak, ia berlaku dan meresap masuk dalam pelbagai bentuk. Ramai yang masih samar dengan maksud sebenar istilah sekularisme. Begitu juga dengan istilah-istilah lain yang berkaitan seperti, kapitalisme, nasionalisme, liberalisme dan lain-lain. Banyak penyelidikan dilakukan untuk merungkai dan mendedahkan bahaya sekularisme yang menggunakan namanya sebenar atau berselindung di sebalik demokrasi, atau slogan 'agama untuk Allah dan negara untuk semua' serta 'tiada agama dalam politik dan tiada politik dalam agama'.

Telah berlaku dalam kehidupan muslim sebagaimana yang diperingatkan oleh baginda SAW yang berbunyi[1]:

لتركبن سنن من كان قبلكم شبرا بشبر وذراعا بذراع حتى لو أن أحدهم
دخل حجر ضب لدخلتم وحتى لو أن أحدهم جامع امرأته بالطريق لفعلتموه

Maksudnya: Kamu akan mengikut perbuatan orang sebelum kamu sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta, sehingga jika salah seorang daripada mereka memasuki lubang dhob nescaya kamu akan menurutinya, dan sehingga jika salah seorang daripada mereka jima' dengan isterinya di jalan nescaya kamu akan melakukannya.

[1] Riwayat Imam Malik dengan sanad yang sohih, dan hadith asal daripada Imam Muslim

Faktor utama berlakunya hal ini adalah kejahilan akan hakikat sesuatu perkara dan tiadanya kefahaman tentang sebab-sebab kemunculannya. Oleh itu, memahami sekularisme dan perkara yang berkaitan dengannya menjadi satu tuntutan kepada umat Islam bagi mengelakkan daripada menurutinya. Ia merupakan rantaian serangan pemikiran yang telah dilancarkan oleh barat selepas tewas dalam peperangan salib.

Sekularisme yang dilahirkan di barat telah membesar di negara-negara umat Islam. Ia telah berkembang dalam pelbagai bidang termasuk politik, ekonomi dan sosial. Oleh kerana dominan politik memberikan impak secara tidak langsung kepada ekonomi dan sosial, maka membincangkan sekularisme politik dianggap menyeluruh. Perbincangan akan berdasarkan perspektif agama Islam yang berpaksikan al-Qur'an dan as-Sunnah.

APAKAH SEKULARISME?

Bagi memulakan perbincangan, amat menarik untuk dikemukakan dalam kertas kecil ini apakah maksud sebenar istilah sekularisme atau terjemahannya dalam bahasa Arab *al-ilmaniyyah?* Dalam kalangan orang Arab ada yang menterjemahkan sekularisme sebagai *ilmaniyyah*, iaitu daripada perkataan *al-ilm* (ilmu) yang mendapat imbuhan alif dan nun serta ya yang menunjukkan sifat kepada ilmu, seperti *ruh* kepada *ruhaniyyah*. Sebahagian mereka pula menterjemahkannya sebagai *almaniyyah* yang berasal daripada perkataan *al-alam* (alam).

Dalam Ensiklopedia Britannica, sekularisme bermaksud gerakan masyarakat yang bermatlamat untuk mengalihkan perhatian manusia daripada mengambil berat tentang akhirat kepada menitikberatkan dunia semata-mata[1].

[1] Encyclopedia Britannica, Jilid 9, halaman19

A. J. Arbery seorang orientalis dalam bukunya berjudul Agama Di Timur Tengah menyatakan bahawa sesungguhnya semua kebendaan keilmuan dan kemanusiaan serta mazhab semulajadi adalah bentuk fahaman tiada kaitan dengan agama (*al-ladiniyyah*), ia merupakan sifat utama bagi Eropah dan Amerika. Perkara yang paling utama ialah pemisahan di antara agama dan negara di Republik Turki[1].

Manakala menurut al-Qaradawi, terjemahan yang betul bagi sekularisme adalah fahaman tidak ada kaitan dengan agama (*al-ladiniyyah*) atau fahaman keduniaan yang tidak ada kaitan dengan agama (*al-dunyawiyyah*). Hal ini bukan bererti membelakangi sesuatu yang bersifat ukhrawi semata-mata, tetapi ia mempunyai makna yang lebih khusus, iaitu makna yang tidak mempunyai hubungan dengan agama, atau sekiranya ada hubungan dengan agama, maka ia lebih bersifat hubungan pertentangan[2].

Syed Muhammad Naquib al-Attas pula mengaitkan sekularisme dengan fahaman Kristian Barat dan ia tidak mempunyai sebarang kaitan dengan Islam atau umat Islam[3].

Oleh itu, kita dapati perkataan yang banyak digunapakai oleh para sarjana untuk memberikan maksud sekularisme ialah pemisahan di antara agama dan negara, sedangkan berdasarkan beberapa pengertian di atas menunjukkan maksud yang lebih tepat ialah pemisahan di antara agama dan kehidupan. Ini kerana sekularisme membentuk kehidupan yang berdiri bukan di atas agama sama ada kepada individu ataupun masyarakat.

---

[1] Lihat A. J. Arbery, Religion In The Middle East, Jilid 2, halaman 606-607

[2] Lihat al-Qaradawi, al-Islam wa al-Ilmaniyyah: Wajhan Li Wajhin, halaman 42-43

[3] Lihat Syed Naquib al-Attas, Prolegomena To The Metaphysics Of Islam, halaman 20-21. Pemikiran al-Attas dan pengaruhnya, terutama mengenai konsep Islamisasi, yang turut melatari perbincangan mengenai sekularisme dan proses sekularisasi, telah dibahas denga penjang lebar oleh Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud dalam bukunya berjudul The Educational Philosophy And Practice Of Syed Muhammad Naquib al-Attas-An Exposition Of The Original Concept Of Islamization (KL: ISTAC, 1998)

SEKULARISME DI ANTARA BARAT KRISTIAN DAN TIMUR ISLAM

Sekularisme yang merujuk kepada maksud memisahkan agama dari negara (politik) atau kehidupan bermasyarakat dan tercabutnya hubungan ketuhanan, merupakan suatu yang tidak pernah wujud dalam agama Islam. Membahagikan kehidupan kepada yang berkaitan agama dan yang tidak berkaitan dengan agama adalah pembahagian yang tidak Islam, bahkan ia merupakan cara pembahagian yang diimport daripada barat yang kristian.

Dalam Islam tidak wujud pembahagiaan seumpama itu. Umat Islam telah mendapat musibah besar apabila mengkategorikan adanya pengajian Islam dan pengajian tidak Islam. Juga tidak wujud sama sekali orang-orang agama (*rijal al-din*), orang dunia atau orang akhirat dalam Islam. Begitu juga tiada dalam Islam dua jenis penguasaan iaitu penguasaan agama dan penguasaan dunia sebagaimana di barat[1]. Dalam Islam juga tidak pernah timbul agama tanpa politik dan politik tanpa agama. Ini kerana Islam adalah peraturan yang lengkap dan menyeluruh meliputi semua aspek kehidupan[2].

Menurut al-Attas, konsep sekularisme barat membawa pengertian yang lebih dekat kepada fahaman *waqi'iyyah* yang mempunyai kaitan dengan positivisme[3]. Barat telah menolak agama secara menyeluruh. Oleh itu, terdapat jurang yang sangat ketara di antara Timur yang Islam dan Barat Kristian. Dalam Islam agama sangat berkait rapat dengan kehidupan manusia tanpa ada pemisahan. Maka sekularisme adalah barang kepunyaan barat yang tumbuh di negara kita yang bertentangan dengan akidah dan pemikiran Islam.

---

[1] Lihat al-Qaradawi, al-Islam wa al-Ilmaniyyah, halaman 46

[2] Lihat Muhammad Abdullah al-Khotib, Nazorot fi Risalah al-Ta'lim, halaman 47

[3] Positivisme adalah fahaman yang lahir di barat, diasaskan oleh August Comte (1798-1857), yang menganggap bahawa sains merupakan pencapaian akal manusia yang paling tinggi dan tiada lagi yang lain selepas itu. Di samping menggunakan pendekatan empirikal yang ketat, mereka menolak pentafsiran metafizik terhadap alam. August Comte sangat mengagungkan sains dan kuat mengkritik agama. Menurutnya perkembangan akal manusia melalui tiga peringkat: *theological* diikuti *metaphysical* dan diakhiri dengan *scientific*.

KEMUNCULAN SEKULARISME

Sekularisme muncul di barat disebabkan pelbagai faktor merangkumi agama, pemikiran dan sejarah barat itu sendiri. Pemikiran sekularisme juga telah tercetus sejak zaman Aristotle iaitu salah seorang ahli falsafah kalasik Yunani yang melihat bahawa tuhan itu jauh dan terpisah daripada alam[1]. Secara ringkasnya di antara faktor kemunculan sekularisme di barat ialah penyelewengan paderi kristian, pertembungan di antara gereja dan sains, dan Revolusi Perancis[2].

Paderi kristian sangat berpengaruh di Eropah, disamping peranan yang dimainkan sebagai rujukan agama, mereka juga adalah penguasa kerajaan. Akibat kuasa yang tidak terbatas, mereka telah melakukan penyelewengan dengan sesuka hati. Segala tindak-tanduk mereka adalah dengan menggunakan nama agama. Mereka telah menukar hukum yang telah ditetapkan dalam agama seperti mengaharamkan *khitan* yang asalnya adalah wajib, menghalalkan bangkai, mengharamkan perkahwinan paderi, mengutip duit daripada pelaku dosa dan lain-lain. Mahkamah mereka juga adalah penjara maut untuk menyeksa penentang-penentang paderi dengan penuh kejam[3].

Selain itu, campur tangan paderi dalam pentadbiran negara amat ketara. Mereka adalah penguasa sebenar berbanding raja yang terpaksa tunduk untuk memastikan mereka masuk syurga pada hari akhirat nanti. Mereka menyatakan bahawa yang membina gereja adalah anak tuhan, dan paderi adalah wakil tuhan di atas muka bumi yang mempunyai kuasa tertinggi dan pemerintahan dalam kalangan seluruh penganut kristian[4].

---

[1] Al-Qaradawi, al-Thaqafah al-Arabiyyah al-Islamiyyah Baina al-Asalah wa al-Muasirah, halaman 169
[2] Lihat Safar Abd Rahman al-Khauli, tesis masters, Universiti Ummu al-Qura, halaman 121
[3] Lihat Muhammad al-Ghazali, al-Taassub wa al-Tasamuh, halaman 311-318
[4] Lihat Tarikh Auruba al-Usur al-Wustho, jilid 1 halaman 260

Hal ini menyebabkan berlakunya penentangan yang kuat oleh masyarakat Eropah. Kekejaman, kesakitan, penyelewengan dan penipuan sudah tidak boleh diterima oleh akal yang waras. Tidak mustahil mereka menggerakkan masyarakat agar menentang gereja dengan slogan ’biarkan urusan pemerintahan diuruskan oleh Kaisar’.

Perkara seumpama ini tidak pernah berlaku dalam Islam. Para ulama’ adalah pewaris anbiya’ sebagimana hadith nabi saw yang berbunyi[1]:

عن أبي الدرداء رضي الله عنه قال : سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : ومن سلك طريقا يبتغي فيه علما سهل الله له طريقا إلى الجنة وإن الملائكة لتضع أجنحتها لطالب العلم رضى بما يصنع وإن العالم ليستغفر له من في السماوات ومن في الأرض حتى الحيتان في الماء وفضل العالم على العابد كفضل القمر على سائر الكواكب وإن العلماء ورثة الأنبياء وإن الأنبياء لم يورثوا دينارا ولا درهما وإنما ورثوا العلم فمن أخذه أخذ بحظ وافر

Maksudnya: Barangsiapa melalui satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah akan permudahkan jalan baginya ke syurga. Sesungguhnya malaikat merendahkan sayapnya untuk penuntut ilmu tanda redha terhadap perbuatannya. Sesungguhnya semua makhluk di langit dan bumi termasuk ikan di air memohon ampun untuk penuntut ilmu. Dan kelebihan orang yang ada ilmu ke atas ahli ibadat seumpama kelebihan bulan ke atas semua bintang. Sesungguhnya para ulama’ adalah pewaris anbiya’. Dan para anbiya’ tidak mewariskan dinar dan dirham, sesungguhnya mereka mewariskan ilmu, sesiapa yang mengambilnya maka dia telah mengambil dengan cukup.

Di samping itu, dalam Islam hanya Allah SWT yang bergelar as-syari’. Allah yang berhak menentukan hukum atau menukarnya. Allah jualah yang maha pengampun tanpa dikenakan sebarang ’charge’ atau bayaran. Firman Allah SWT menceritakan kisah nabi Nuh[2]:

---

[1] Riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi
[2] Surah Nuh, ayat 10

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا

Maksudnya: Dan aku berkata istighfarlah kamu kepada tuhanmu, sesungguhnya Dia maha pengampun.

Oleh itu, tiada dalam Islam kuasa tertinggi dalam kalangan manusia sebagaimana paderi. Sejarah yang berlaku kepada mereka juga tidak sama dengan sejarah Islam[1]. Namun demikian bagaimanakah pemikiran sekularisme ini boleh sampai dan meresap masuk ke nagara-negara umat Islam?

SEKULARISME KE NEGARA UMAT ISLAM

Selepas kita mengetahui bagaimana akhirnya barat memisahkan agama dengan politik, sama ada dengan faktor cengkaman gereja atau penyelewengan paderi, sekarang kita akan lihat pula peringkat yang dilalui oleh pemikiran ini sehingga sampai ke negara-negara umat Islam. Secara ringkasnya peringkat-peringkat tersebut adalah seperti berikut:

Peringkat pertama:

Orientalis dan gerakan kristianisasi dilancarkan ke negara-negara umat Islam. Sebagai contohnya di negara Mesir, Lord Kromer menyebut dalam bukunya berjudul Mesir Baharu bahawa tugas orang Eropah yang berada di negara umat Islam adalah untuk menanamkan asas-asas ajaran Kristian dan amalannya sebanyak yang mungkin sehingga ia menjadi rujukan perhubungan sesama manusia[2].

Bayangkan jika sekiranya inilah peranan yang dimainkan oleh setiap Residen Jeneral (penjajah) di setiap negara umat Islam; India, Iraq, Jordan, Palestin, Sudan dan lain-lain, ini bermakna mereka perlu membuang dan

[1] Idris al-Kattani, al-Magrib al-Muslim Dhiddu al-Ladiniyyah, halaman 71-73
[2] Lihat Muhammad Qutb, Waqi'una al-Muasir, halaman 216

mencabut asas-asas Islam yang sudah bertapak di negara-negara tersebut terlebih dahulu. Atau sekurang-kurangnya mengubahsuai ajaran Islam agar sesuai dan tidak bercanggah dengan ajaran Kristian.

Oleh sebab itu, kita dapati para orientalis secara terang-terangan menyatakan tujuan mereka yang sebenar iaitu ingin menghancurkan Islam sebagaimana yang disebutkan oleh Welford Kant Smith[1]. Bagi mereka Islam adalah ancaman kepada Kristian yang telah menyebabkan ramai dalam kalangan penganut mereka telah memeluk Islam selepas mendapat hidayah daripada Allah SWT.

Peringkat kedua:

Seterusnya mereka memasukkan pelbagai fahaman dan slogan seumpama faham kebendaan, *ilhad*, pembebasan, kesamarataan, globalisasi, nasionalisme, kapitalisme dan lain-lain lagi ke negara umat Islam[2]. Kesemuanya mempunyai matlamat yang sama iaitu meruntuhkan kepercayaan terhadap kesesuaian agama Islam dalam menghadapi perkembangan kehidupan dalam zaman moden. Mereka melaksanakan ujian perbandingan ilmiah melalui pelbagai cara iaitu:

1. Perbandingan di antara Islam, Kristian dan Yahudi (Arnest Renon)
2. Perbandingan di antara Islam dan faham kebendaan (Darwin)
3. Perbandingan di antara Islam dan sains (Miller Bruce)

Tujuan utama semua ujian perbandingan ini adalah untuk meragukan seterusnya merungkai kepercayaan umat Islam terhadap kebenaran ajaran Islam. Mereka mengharapkan umat Islam akan meragui agamanya sendiri.

Peringkat ketiga:

[1] Dipetik daripada Muhammad Qutb, Hal Nahnu Muslimun?, halaman 102

[2] Perbezaan fahaman dan slogan bukan berarti perbezaan tujuan dan matlamat, ia juga bukan bererti perbezaan waktu, tetapi ia berjalan seiring dengan menggunakan pelbagai metod.

Selain itu, mereka juga merancang untuk melahirkan dan menyediakan anak-anak umat Islam yang boleh menjadi ’kakitangan’ mereka sebagai penguasa di negara masing-masing yang bakal melaksanakan agenda peringkat pertama dan kedua di atas. Dengan ini, mereka sebenarnya telah berjaya menguasai negara umat Islam tersebut, kerana walaupun ia dipimpin oleh seorang pemimpin Islam tetapi sebenarnya pemimpin tersebut adalah boneka semata-mata. Barat akan memastikan segala undang-undang dan peraturan yang dilaksanakan serta sistem pemerintahan mestilah tunduk kepada sekularisme barat.

Hasilnya sekularisme telah mendapat tempat dan berjaya masuk ke dalam pemikiran umat Islam. Lalu lahir para pemikir dalam kalangan umat Islam yang menyebut bahawa Islam itu adalah agama dan bukannya politik. Seorang orientalis bernama Gibb ketika mengulas apa yang berlaku di Mesir dan Turki pada suku yang pertama kurun ini menyatakan:

”Sesungguhnya natijah daripada usaha Muhammad Abduh selepasnya telah menuju kepada dua aliran, salah satunya timbulnya pemikiran pembaharuan yang berdiri di atas akidah Islamiyyah tetapi mempunyai pengaruh pemikiran barat ...”

Beliau menambah lagi: *”Telah dilaksanakan prinsip-prinsip sekularisme di Turki selepas kejatuhan Khilafah Uthmaniah pada tahun 1924...”*

Walau apapun usaha yang dilakukan untuk memperteguh sekularisme di negara-negara umat Islam, pendirian dan dasar mereka adalah:

1. Penolakan secara umum terhadap Islam
2. Menjaga kebebasan manusia, dalam hal ini akal yang akan menjadi pemutus dan bukannya Islam[1].

[1] Dr. Muhammad Bahi, al-Fikru al-Islami al-Hadith wa Silatuhu bi al-Isti’mar al-Ghorbiy, halaman 156

Maka berlaku revolusi di Turki pada tahun 1908 yang telah membenarkan pengajaran falsafah barat dan perbandingan agama secara kritis. Ini telah memberi impak negatif sehingga membawa kepada pertikaian terhadap syariat Islam. Kamal Attarturk pula secara paksa telah mewajibkan sekularisme dan mengharamkan pemikiran agama serta buku-buku yang berkaitan dengannya di Republik Turki[1].

Apa yang berlaku di Turki telah membuka jalan yang lebih luas kepada sekularisme untuk bertapak di negara-negara umat Islam terutamanya selepas umat Islam kehilangan Kerajaan Uthmaniah yang menjadi simbol kesatuan umat Islam antarabangsa. Berkumandanglah suara dan seruan sekularisme dengan mendakwa bahawa Islam tidak lain adalah satu agama semata-mata yang tiada kaitan dengan sebarang sistem politik dan pentadbiran.

Mereka telah menyerang dan mempertikaikan Islam dari pelbagai aspek sebagaimana yang telah didedahkan oleh seorang sarjana muslim, Dr. Muhammad Dhia'uddin al-Riys dalam dua buah bukunya berjudul Teori Politik Islam dan Islam dan Khilafah Dalam Zaman Moden. Beliau menyatakan bahawa pendukung sekularisme telah mengkritik ajaran Islam secara tidak akademik dan mentafsirkannya dengan tafsiran yang menyeleweng untuk menunjukkan keburukan dan kesalahan Islam[2].

Ini kerana sekularisme ingin menjadikan Islam diperintah dan bukan sebagai pemerintah. Bagi mereka sudah memadai dengan adanya ruangan agama dalam surat khabar, rancangan agama dalam televisyen, undang-undang keluarga Islam, jabatan agama, pertubuhan agama dan lain-lain. Ia tidak perlu lebih daripada itu bahkan sepatutnya mereka mengucapkan terima kasih kepada sekularisme kerana memberikan ruang yang secukupnya.

---

[1] Lihat Dr. Muhammad Muhammad Hussein, al-Islam wa al-Hadharah al-Ghorbiyyah, halaman 116
[2] Dr. Muhammad Dhia'uddin, al-Nazoriyat al-Siasah al-Islamiyyah, halaman 6

BENTUK-BENTUK SEKULARISME

Pertama: Dalam Politik Dan Perundangan

Pemimpin negara umat Islam telah mula berpaling daripada undang-undang Islam. Hal ini lebih katara pada zaman moden ini ketika umat Islam dalam keadaan lemah dan tiada kekuatan. Jika sepanjang sejarah Tamadun Islam, para khalifah dan sultan sangat kuat pegangan kepada Islam dengan melaksanakan undang-undang Islam, namun ia sudah tidak berlaku sekarang.

Imam Ahmad meriwayatkan sebuah hadith daripada Rasulullah SAW yang berbunyi[1]:

لنيقضن الإسلام عروة عروة فكلما انتقضت عروة يتشبث الناس
بالتي تليها وأولهن نقضا الحكم وآخرهن الصلاة

Maksudnya: Akan terungkai simpulan ikatan Islam satu-persatu, maka setiap kali terungkai manusia akan berpegang kepada yang berikutnya, perkara pertama yang akan terungkai adalah hukum dan yang terakhir adalah solat.

Perhatikan terhadap tulisan pengarang buku al-Islam wa Usul al-Hukm, Ali Abd. Raziq yang dengan berani mendakwa bahawa Islam langsung tiada kaitan dengan masyarakat. Beliau juga menyebut agama itu bertentangan dengan dunia, maka tiada kaitan di antara agama dan keduniaan. Begitu juga dengan dakwaan bahawa tiada yang namanya negara atau khilafah dalam Islam.

Seharusnya peringatan daripada hadith di atas diambil perhatian oleh umat Islam. Mereka memang berusaha untuk merungkai semua ikatan Islam. Telah termetrai persepakatan sebelum kejatuhan Khilafah Uthmaniah yang antara lain mensyaratkan empat perkara berikut:

1. Menghapuskan Khilafah Islam secara menyeluruh di Turki

[1] Riwayat Imam Ahmad dalam al-Musnad, sanadnya sohih

2. Turki mesti memutuskan semua hubungan dengan Islam
3. Turki mesti melumpuhkan dan mematikan sebarang gerakan atau pertubuhan yang berkaitan dengan Islam
4. Menggantikan undang-undang Turki yang berdasarkan Islam kepada undang-undang moden[1]

Ini secara jelas mendedahkan kehendak mereka yang tidak mahu Islam sebagai cara hidup. Islam yang sebenar bukan semata-mata ruh, tetapi ia mrupakan sistem hidup yang meyeluruh dari pelbagai aspek. Ia menyusun kehidupan manusia di dunia dan di akhirat berdasarkan ketetapan Allah SWT. Ia merangkumi aspek individu dan bermasyarakat. Oleh sebab itulah Islam membangunkan politik dengan agama[2]. Firman Allah SWT[3]:

أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنْ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ

Maksudnya: Adakah hukum Jahiliah yang mereka mahukan? Siapakah yang lebih baik hukumya daripada Allah bagi orang-orang yang yakin.

Jelaslah di sini sesungguhnya Allah menurunkan kepada umat manusia undang-undang yang sangat adil dan sempurna untuk dilaksanakan. Ia mengundang bencana dan ancaman daripada Allah SWT bagi pemerintah yang tidak mahu melaksanakannya[4].

Ini disebabkan oleh maksud kepimpinan (Imamah) dalam Islam itu sendiri yang terdiri daripada dua elemen iaitu menjaga agama dan mentadbir dunia dengan agama[5]. Ia merupakan amanah dan tanggungjwab yang mesti dilaksanakan dengan sempurna.

---

[1] Lihat Mukhattotot al-Isti'mariah li Mukafahat al-Islam, halaman 174
[2] Lihat Dr. Rizq al-Hajr, al-Fikru al-Islami al-Hadith, halaman 259
[3] Surah al-Maidah, ayat 50
[4] Lihat surah al-Maidah, ayat 44, 45 dan 47
[5] Lihat al-Juwaini, Ghiath al-Umam, perenggan 14, Ibnu Khaldun, Mukaddimah, jilid 2 halaman 688, al-Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniah, halaman 5

Kedua: Dalam Pendidikan Dan Pengetahuan

Kemunduran sistem pendidikan dan kebekuan ilmu pengetahuan di negara-negara umat Islam mengundang kehadiran sekularisme dalam pendidikan. Keadaan umat Islam sudah tidak lagi seperti zaman kegemilangan tokoh ilmuan Islam dalam pelbagai bidang feqh, ilmu kalam, bahasa Arab dan lain-lain lagi pada zaman Abbasiah dan Andalusia.

Dalam tempoh kebekuan keilmuan inilah lahir generasi yang ingin mengembalikan semula kegemilangan tersebut tetapi dengan 'mengimport' ilmu barat yang tidak selari dengan Islam. Mereka mentafsirkan agama mengikut hawa nafsu dan mengklasifikasikan ilmu tidak berdasarkan petunjuk agama[1].

Kesannya timbul dua aliran pendidikan di dunia Islam iaitu pendidikan agama yang sempit dan pendidikan bukan agama yang meliputi semua aktiviti pemikiran. Teliti penyataan berikut yang berlaku di Mesir[2]:

"Muhammad Ali telah berusaha di peringkat awal untuk memasukkan ilmu-ilmu moden dalam kurikulum al-Azhar, tetapi beliau bimbang mendapat tentangan golongan al-Azhar, lalu ditubuhkan sistem pendidikan moden. Dengan demikian sistem pendidikan di Mesir telah terbahagi kepada dua iaitu pendidikan agama dan pendidikan moden"

Selaian itu, sikap 'double standard' pemerintah menjadikan pendidikan agama tidak berada di arus perdana. Kekurangan infrastruktur, guru yang tidak terlatih dan bantuan yang tidak tetap berbanding sekolah bagi sistem pendidikan moden menyebabkan masyarakat hilang kepercayaan untuk menghantar anak mereka ke sekolaha agama. Ini secara tidak langsung mematikan pendidikan agama, dan dengannya semakin memudahkan sekularisme menguasai pemikiran anak-anak umat Islam.

---

[1] Lihat Safar al-Khauli, al-Ilmaniyyah, halaman 589
[2] Munir 'Atollah, Tarikh wa Nizom al-Ta'lim fi Masr, halaman 79

Ketiga: Dalam Masyarakat Dan Akhlak

Sistem hidup masyarat Islam telah berubah dan menyimpang daripada ajarannya untuk beberapa kurun. Namun ia tidak jelas kelihatan melainkan pada zaman ini. Pengamalan masyarakat dari aspek peribadi, kebudayaan dan adat sudah tidak lagi daripada Islam. Walau bagaimanapun mereka masih mewarisi sifat-sifat baik secara semulajadi dan menganggapnya ia adalah daripada agama.

Keadaan masyarakat Islam yang kurang tersusun, mundur dan serba kekurangan telah diambil kesempatan oleh pendukung sekularisme dengan menyatakan bahawa semuanya adalah berpunca daripada Islam. Mereka mula menyerang sistem dan peraturan akhlak Islam yang mengenakan pakaian menutup aurat sebagai mundur. Begitu juga dengan penjagaan kaum wanita Islam dari pelbagai aspek sebagai tidak relevan dengan zaman sains dan teknologi. Penentuan perilaku sebagai akhlak ataupun tidak bukannya agama, sebaliknya yang menentukannya adalah akal manusia. Maka berlakulah pemisahan di antara akhlak dan agama.

Jika diteliti, kita dapati terdapat dua perbezaan ketara di antara Islam dan sekularisme dalam perkara akhlak; pertama ialah berkaitan hubungan di antara lelaki dan perempuan dan kedua pula ialah kaitan di antara akhlak dan agama[1]. Mereka lupa bahawa akhlak lah yang menjadikan sebuah masyarakat itu kekal dan bertahan atau sebaliknya. Akhlak juga lah yang telah membina tamadun manusia. Penyair Syauqi menyebut:

وإنما الأمم الأخلاق ما بقيت   فإن همو ، ذهبت أخلاقهم ، ذهبوا

Maksudnya: Sesungguhnya sesuatu umat selagi mana ada akhlak, sekiranya mereka kehilangan akhlak maka mereka pun akan pergi (hilang).

[1] Al-Qaradawi, al-Ilmaniyyah Wajhan Li Wajhin, halaman 103

KESIMPULAN

Saya ingin menegaskan bahawa Islam yang tertegak di atas akidah, ibadah, akhlak, dan undang-undang, akan sentiasa bertarung melawan sekularisme. Sekularisme ingin agar Islam menjadi pengikutnya dan bukan yang diikuti. Oleh karena itu, pertentangan di antara Islam dan sekularisme bukan hanya berlaku dalam politik tetapi juga berlaku lebih dari satu aspek, iaitu dalam setiap sudut daripada elemen ajarannya yang pokok iaitu akidah, ibadah, akhlak dan undang-undang.

Jelas kepada kita bahwa isu sekularisme tidak boleh dianggap ringan oleh umat Islam. Bahaya fahaman sekularisme, sama ada di peringkat individu ataupun masyarakat, peribadi ataupun negara, sepatutnya menjadikan kita perlu lebih berwaspada terhadap fahaman-fahaman yang mengiringinya, walaupun dengan nama dan 'baju' yang baru, seperti ide perubahan (change), globalisasi (globalization), pembangunan (development), dan lain-lain.

BIBLIOGRAFI

1. A. J. Arbery, Religion In The Middle East
2. Abu Daud, Sunan Abu Daud
3. al-Juwaini, Ghiath al-Umam (1997), Kaherah
4. al-Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniah (1998), Dar al-Nafis, Kaherah
5. al-Qaradawi, al-Islam wa al-Ilmaniyyah (1995), Maktabah Wahbah, Kaherah
6. al-Qaradawi, al-Islam wa al-Ilmaniyyah: Wajhan Li Wajhin (1997) Maktabah Wahbah, Kaherah
7. al-Qaradawi, al-Thaqafah al-Arabiyyah al-Islamiyyah Baina al-Asalah wa al-Muasirah (1998), Maktabah Wahbah, Kaherah
8. Dr. Muhammad Bahi, al-Fikru al-Islami al-Hadith wa Silatuhu bi al-Isti'mar al-Ghorbiy, Kaherah
9. Dr. Muhammad Dhia'uddin, al-Nazoriyat al-Siasah al-Islamiyyah (2002), Kaherah
10. Dr. Muhammad Muhammad Hussein, al-Islam wa al-Hadharah al-Ghorbiyyah, Kaherah
11. Dr. Rizq al-Hajr, al-Fikru al-Islami al-Hadith (1997) Universiti Kaherah, Kaherah
12. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud, The Educational Philosophy And Practice Of Syed Muhammad Naquib al-Attas-An Exposition Of The Original Concept Of Islamization (1998) ISTAC, Kuala Lumpur
13. Encyclopedia Britannica, Britain
14. Ibnu Khaldun, Mukaddimah (1995), Kaherah
15. Idris al-Kattani, al-Magrib al-Muslim Dhiddu al-Ladiniyyah, Kaherah
16. Imam Ahmad, al-Musnad
17. Imam Malik, Muwatto' (1988) Dar al-Qalam
18. Muhammad Abdullah al-Khotib, Nazorot fi Risalah al-Ta'lim (1990), Dar al-Tauzi; wa al-Nashr al-Islamiyah, Kaherah
19. Muhammad al-Ghazali, al-Taassub wa al-Tasamuh, Kaherah
20. Muhammad Qutb, Hal Nahnu Muslimun? (1995), Kaherah
21. Muhammad Qutb, Waqi'una al-Muasir (2002) Dar al-Qalam, Kaherah
22. Munir 'Atollah, Tarikh wa Nizom al-Ta'lim fi Masr (2000), Dar al-Kutub al-Masriyah, Kaherah
23. Safar Abd Rahman al-Khauli, al-Ilmaniyyah (tesis masters) (1999), Universiti Ummu al-Qura, Maktabah al-Toyib, Kaherah
24. Syed Naquib al-Attas, Prolegomena To The Metaphysics Of Islam, ISTAC, Kuala Lumpur
25. Tarikh Auruba al-Usur al-Wustho, Lubnan